

23 MAR 1997

Mahathir-Israel

MALAYSIA SATU CONTOH BAIK KEPADA ISRAEL: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Keputusan kerajaan untuk membenarkan pasukan kriket Israel menyertai kejohanan antarabangsa di sini ialah untuk menyedarkan mereka bahawa masyarakat berbilang kaum dan agama dapat hidup bersama-sama dengan aman dalam sebuah negara seperti Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berharap melalui cara itu, pemain-pemain kriket muda Israel itu akan dapat menjelaskan kepada rakyat Israel lain mengenai situasi di sini apabila mereka balik ke negara mereka bahawa agama Islam tidak menindas atau menekan agama lain.

"Kita sebenarnya berniat untuk menunjuk kepada Israel dan orang Israel bahawa kaum-kaum yang berbeza agama (di Malaysia) boleh hidup tanpa sengketa," kata beliau ketika ditanya mengenai laporan bahawa pasukan kriket Israel ialah antara 22 pasukan yang akan menyertai kejohanan Trofi Persatuan Kriket Antarabangsa (ICC) di sini mulai esok.

"Sebab itu kita telah membawa pemuda-pemuda daripada Israel untuk melihat bagaimana orang Islam tak ada menindas, menekan kaum-kaum lain," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kehadiran mereka di negara ini akan sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran mereka mengenai tindakan rejim Israel yang menekan serta menindas orang Palestin.

"Kerajaan dah bagi kebenaran (kepada pasukan kriket Israel untuk masuk ke Malaysia) dan kita tak bercadang untuk menarik balik kebenaran itu," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada tindakan ini mencerminkan perubahan dalam hubungan Malaysia-Israel, Dr Mahathir berkata Tel Aviv yang telah meminta supaya Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengannya.

Perdana Menteri berkata beliau telah menulis surat kepada bekas Perdana Menteri Israel Shimon Peres dan Perdana Menteri sekarang Benjamin Netanyahu bahawa "selagi dia tidak patuh kepada keputusan yang dibuat dalam perjanjian perdamaian (dengan Palestin), kita tidak akan ada hubungan diplomatik".

Mengenai keputusan Amerika Syarikat untuk menggunakan kuasa vetonya buat kali keduanya dalam Majlis Keselamatan bagi membatalkan keputusan majlis itu mengarahkan Israel memberhentikan pembinaan penempatan Yahudi di Baitulmaqdis, Dr Mahathir berkata ia memang dijangkakan.

"Kita kadang-kadang tak faham sama ada apabila Amerika Syarikat membuat pendirian, ianya ikhlas ataupun tidak. Dia (Amerika) mengecam Israel kerana mendirikan rumah-rumah itu tetapi bila kita nak protest dia tak bagi.

"Sebab itu saya selalu berkata kita tidak boleh bergantung kepada orang lain untuk tolong kita," kata beliau. --BERNAMA

ES MAI